



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

## ANALISIS MAKNA LEKSIS BAHASA SUKUAN DALAM KORPUS BAHASA MELAYU MENGGUNAKAN SEMANTIK RANAH

EFFENDY BIN YUSUFF



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH  
IJAZAH DOKTOR FALSAFAH (BAHASA MELAYU)

FAKULTI BAHASA DAN KOMUNIKASI  
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



## ABSTRAK

Penyelidikan ini dilaksanakan untuk mengkaji pengekalan penggunaan leksis bahasa sukuan peribumi Sabah dalam korpus bahasa Melayu. Sumber data yang dimanfaatkan adalah daripada data korpus bahasa Melayu yang penyelidik bangunkan sendiri menggunakan Perisian *Antconc 3.4.3w*. Data korpus tersebut terdiri daripada enam buah novel yang berlatarkan masyarakat peribumi Sabah, iaitu novel *Bagaton* dan *Mariga* karya Amil Jaya, manakala novel *Dukanya Abadi*, *Kukui*, *Dari Dalam Cermin*, dan *Debur Menerpa* karya Azmah Nordin. Sebanyak 145 leksis bahasa sukuan telah dikenal pasti digunakan secara bersama-sama dengan bahasa Melayu dalam data korpus. Analisis dijalankan menggunakan teori semantik ranah (*frame semantics*) yang dipelopori oleh Charles Fillmore (1982). Dapatan kajian awal menunjukkan bahawa pendekatan berteori linguistik, khususnya semantik kognitif dapat memerihalkan gelagat semantik leksis bahasa sukuan dalam korpus bahasa Melayu. Seterusnya, menyelongkar makna yang cuba digambarkan untuk membawa konsep masyarakat penutur di sebalik penggunaan leksis tersebut. Pendeskripsian yang dilakukan dapat menjelaskan fungsi kewujudan dan kewajaran setiap leksis adalah disebabkan motivasi, potensi dan reputasi leksis tersebut.





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

V

## ANALYSIS OF LEXIS MEANING OF AN ETHNIC LANGUAGE IN MALAY LANGUAGE USING FRAME SEMANTICS APPROACH

### ABSTRACT

This study is conducted to explore the lexis preservation of the Sabah ethnic languages in the Malay Language corpus. The source of the data is a Malay Language corpus developed by the researcher using *Antconc 3.4.3w* software. The data were gathered from six Malay Language novels that based on Sabah Indigenous people, which are *Bagaton* and *Mariga* by Amil Jaya and *Dukanya Abadi, Kukui, Dari Dalam Cermin*, and *Debur Menerpa* by Azmah Nordin. A number of 145 lexis of the ethnic language were used with the Malay Language in the data. The analysis was carried out using frame semantics approach pioneered by Charles Fillmore (1982). Preliminary findings show that a linguistics based approach, in particular cognitive is able to describe the semantic lexis of the ethnic language in the Malay corpus. Additionally, it is able to explore the meaning illustrated behind the lexis in order to portray the concept in the society. The description is capable to clarify the existence and appropriateness of each lexis which was due to motivation, potential and reputation of the lexis.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun



Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



## KANDUNGAN

### Muka Surat

<b>PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN</b>	ii
-------------------------------------	----

<b>PENGHARGAAN</b>	iii
--------------------	-----

<b>ABSTRAK</b>	iv
----------------	----

<b>ABSTRACT</b>	v
-----------------	---

<b>KANDUNGAN</b>	vi
------------------	----

<b>SENARAI JADUAL</b>	xii
-----------------------	-----



<b>SENARAI SINGKATAN</b>	xx
--------------------------	----

<b>SENARAI LAMPIRAN</b>	xxi
-------------------------	-----

## BAB 1 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar belakang Kajian	5
1.3 Permasalahan kajian	8
1.4 Tujuan Kajian	15
1.5 Objektif Kajian	16





1.6	Soalan Kajian	17
1.7	Kepentingan kajian	17
1.7.1	Sumbangan leksis dalam entri perkamusahan bahasa Melayu	19
1.7.2	Penyelidikan secara kritikal dengan menggunakan mekanisme kognitif secara empirikal.	20
1.7.3	Strategi menelusuri norma-norma masyarakat melalui ilmu linguistik.	21
1.7.4	Sumbangan kepada para penyelidik dan pengguna bahasa tentang perkaitan operasi kognitif dengan kerelevan pemakaian leksis yang tepat.	22
1.8	Batasan Kajian	24



1.9	Kerangka Teori	25
1.10	Pengertian Konsep	31
1.10.1	Leksis Bahasa Sukuan	31
1.10.2	Semantik Ranah	32
1.10.3	Masyarakat Peribumi	33
1.10.4	Analisis Makna	34
1.10.5	Konkordans	35
1.11	Kesimpulan	36



**BAB 2 KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	37
2.2	Kajian Representasi Akal Budi	38
2.3	Kajian Topologi Kognitif Idiom	46
2.4	Kajian Teoritis	52
2.5	Kajian Leksikologi	63
2.6	Kajian Bahasa Sukuan	70
2.7	Analisis Kritis Sorotan Literatur	73
2.8	Fokus Kajian Ini: Kajian Paduan	86
2.9	Kesimpulan	89

**BAB 3 METODOLOGI KAJIAN**

3.1	Pengenalan	90
3.2	Kaedah Kajian	91
3.3	Kerangka Konseptual Kajian	92
3.4	Ruang Lingkup Kajian	93
3.5	Rasional Penggunaan Data Korpus	94
3.6	Pewajaran	107
3.7	Tatacara Penjanaan Data	108
3.8	Kesimpulan	121



**BAB 4****ANALISIS SEMANTIK RANAH LANSARAN  
DAN MARIGA**

4.1	Pengenalan	122
4.2	Konsep <i>lansaran</i> dalam Masyarakat Peribumi Sabah	123
4.3	Maklumat konseptual leksis <i>lansaran</i>	126
4.3.1	Analisis lema <i>lansaran</i>	127
4.3.2	Binaan Pola Valensi <i>lansaran</i>	133
4.3.3	Proses Pembinaan ranah <i>lansaran</i>	136
4.3.4	Pemetaan ranah untuk leksis <i>lansaran</i>	147
4.4	Konsep <i>mariga</i> dalam masyarakat peribumi Sabah	155
4.4.1	Maklumat konseptual leksis <i>mariga</i>	156

**BAB 5****ANALISIS SEMANTIK RANAH BAGATON  
DAN SINGKOWOTON**

5.1	Pengenalan	197
5.2	Konsep <i>bagaton</i> dalam masyarakat peribumi Sabah	198
5.3	Maklumat konseptual leksikal <i>bagaton</i>	199
5.3.1	Analisis Lema <i>bagaton</i>	200
5.3.2	Binaan Pola Valensi <i>bagaton</i>	208
5.3.3	Proses Penerbitan Ranah <i>bagaton</i>	213
5.3.4	Pemetaan ranah <i>bagaton</i>	226





5.4 Konsep <i>Singkowoton</i> dalam Masyarakat Peribumi Sabah	236
5.4.1 Maklumat konseptual leksikal <i>Singkowoton</i>	237
5.4.2 Binaan Pola Valensi <i>Singkowoton</i>	249
5.4.3 Proses Penerbitan Ranah <i>Singkowoton</i>	256
5.4.4 Pemetaan Ranah <i>Singkowoton</i>	272

## BAB 6 SISTEM KAWALAN GENUS DAN SPESIES

6.1 Pengenalan	286
6.2 Penerbitan Elemen Ranah dan Ranah melalui Konsep Genus	287
6.3 Perkaitan Konsep Genus dan Spesies dalam Data Kajian	297



6.3.2 Penerbitan Ranah dan Elemen Ranah <i>Mariga</i>	305
6.3.3 Penerbitan Ranah dan Elemen Ranah <i>Bagaton</i>	310
6.3.4 Penerbitan Ranah dan Elemen Ranah <i>Singkowoton</i>	316

6.4 Hubungan Antara Konsep Dalam Data Kajian	322
6.5 Kesimpulan	326

## BAB 7 KESIMPULAN DAN RUMUSAN

7.1 Pendahuluan	327
7.2 Kewujudan Sistem Linguistik dalam Pengekalan Leksikal Bahasa Sukuan	328





7.3	Motivasi Pengekalan Leksikal Bahasa Sukuan dalam Korpus bahasa Melayu	331
7.4	Objektif Kajian Tercapai: Penjelasan Melalui Pendekatan semantik Ranah dapat Menjelaskan Fenomena Data Kajian	333
7.5	Kepentingan Kajian	337
7.6	Dapatan Baharu	338
7.7	Saranan Masa Hadapan	339
7.8	Kesimpulan	340
<b>RUJUKAN</b>		341
<b>LAMPIRAN</b>		350





## SENARAI JADUAL

No. Jadual	Muka Surat
3.1 Taburan Kekerapan Leksis Bahasa Sukaun dalam Novel-novel yang dikaji	105
3.2 Jadual Kekerapan Leksis Bahasa Sukuan dalam Korpus Bahasa Melayu	106
3.3 Kumpulan Valensi ranah Lokasi Berlangsung yang mengandungi elemen ranah AEN, AKSI dan RUANG	119
4.1 Maklumat Konseptual Leksis <i>lansaran</i>	127
4.2 Maklumat Analisis Linguistik elemen ranah Lokasi Berlangsung	129
4.3 Maklumat Analisis Linguistik elemen ranah GAMBARAN MAJLIS	132
4.4 Pola Valensi elemen ranah LOKASI BERLANGSUNG yang mengandungi elemen ranah AGEN, AKSI dan RUANG	135
4.5 Pola Valensi elemen ranah GAMBARAN MAJLIS yang mengandungi elemen ranah UPACARA dan AKSI	136
4.6 Kumpulan ranah TEMPAT TARIAN (LOKASI BERLANGSUNG (AGEN + AKSI + RUANG))	139
4.7 Kumpulan ranah NAMA TARIAN (GAMBARAN MALIS (UPACARA + AKSI))	144
4.8 Maklumat Konseptual leksis <i>mariga</i>	157





4.9	Maklumat Analisis linguistik elemen ranah AMALAN (KEWAJIPAN + PROSES)	159
4.10	Maklumat Analisis linguistik elemen ranah AMALAN (AGEN + KUASA)	162
4.11	Maklumat Analisis linguistik elemen ranah ASET (ENTITI + MILIK)	164
4.12	Pola Valensi elemen ranah AMALAN yang mengandungi elemen ranah KEWAJIPAN dan PROSES	168
4.13	Pola Valensi elemen ranah AMALAN yang mengandungi elemen ranah AGEN dan KUASA	169
4.14	Pola Valensi elemen ranah ASET yang mengandungi elemen ranah ENTITI dan MILIK	170
4.15	Pola Valensi elemen ranah ASET yang mengandungi elemen ranah ENTITI dan MILIK dalam predikat ayat	171
4.16	Kumpulan elemen ranah AMALAN (KEWAJIPAN + PROSES)	175
4.17	Kumpulan elemen ranah AMALAN (AGEN + KUASA)	179
4.18	Kumpulan elemen ranah ASET (ENTITI + MILIK)	197
5.1	Maklumat Konseptual <i>bagaton</i>	200
5.2	Maklumat Analisis bagi elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN	202
5.3	Maklumat Analisis bagi elemen ranah KHAS	204





5.4	Maklumat Analisis bagi elemen ranah KEPERCAYAAN	206
5.5	Pola Valensi elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN yang mengandungi elemen ranah ENTITI, AKSI dan LOKASI	210
5.6	Pola Valensi elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN yang mengandungi elemen ranah AGEN, OBJEK dan MILIK	211
5.7	Pola Valensi elemen ranah KEPERCAYAAN yang mengandung elemen ranah MUSABAB dan PERKARA GHAIB	212
5.8	Kumpulan ranah PERSEMADIAN (BEKAS PENYIMPANAN (ENTITI + OBJEK + MILIK))	215
5.9	Kumpulan ranah PERSEMADIAN (KHAS (AGEN + AKSI + LOKASI))	219
5.10	Kumpulan ranah PERSEMADIAN (KEPERCAYAAN (MUSABAB + PERKARA GHAIB))	223
5.11	Maklumat konseptual <i>Singkowoton</i>	238
5.12	Maklumat Analisis Linguistik elemen ranah BENDA (SUMBER + OBJEK)	241
5.13	Maklumat Analisis Linguistik elemen ranah BENDA (SUBJEK + SASARAN)	243
5.14	Maklumat Analisis Linguistik elemen ranah KEPERCAYAAN (OBJEK + PERKARA GHAIB)	245
5.15	Maklumat Analisis Linguistik elemen ranah KEPERCAYAAN (SUMBER + PERKARA GHAIB +OBJEK)	247





5.16	Pola Valensi elemen ranah BENDA yang mengandungi elemen ranah SUMBER dan OBJEK	250
5.17	Pola Valensi elemen ranah BENDA yang mengandungi elemen ranah SUBJEK dan SASARAN	252
5.18	Pola Valensi elemen ranah KEPERCAYAAN yang mengandungi elemen ranah OBJEK dan PERKARA GHAIB	253
5.19	Pola Valensi elemen ranah KEPERCAYAAN yang mengandungi elemen ranah SUBJEK, PERKARA GHAIB dan OBJEK	255
5.20	Kumpulan ranah TENGKORAK (BENDA (SUMBER + OBJEK))	258
5.21	Kumpulan ranah TENGKORAK (BENDA (SUBJEK + SASARAN))	261
5.22	Kumpulan ranah TENGKORAK (KEPERCAYAAN (OBJEK + PERKARA GHAIB))	265
5.23	Kumpulan ranah TENGKORAK (KEPERCAYAAN (SUBJEK + PERKARA GHAIB + OBJEK))	269





## SENARAI RAJAH

No. Rajah	Muka Surat
1.1 Hubungan ranah antara <i>Commerce – Goods – Transfer</i>	28
1.2 Konsep Teori Semantik Ranah	30
2.1 Fokus Kajian: Kajian Paduan	88
3.1 Kerangka Konseptual Kajian	92
3.2 Carta Alir Prosedur Pemerolehan Data	97
3.3 Novel-novel Kajian	98
3.4 Teks Isi Kandungan Novel-novel	99
3.5 Kandungan Teks dalam Bentuk Perisian <i>PDF</i>	100
3.6 Kandungan Teks dalam Bentuk Perisian <i>Word</i>	101
3.7 Kandungan Teks dalam Bentuk Perisian Format <i>TXT</i>	102
3.8 Kandungan Teks dalam Bentuk Perisian <i>AntConc 3.4.w</i>	103
3.9 Carta Alir Prosedur Pemilih Data	108
3.10 Data Korpus dalam bentuk Perisian <i>AntConc 3.4w</i>	109
3.11 Barisan Konkordans dalam bentuk Perisian <i>AntConc 3.4w</i>	110





3.12	Data Korpus dalam bentuk Perisian <i>AntConc 3.4w</i>	112
3.13	Contoh Binaan Ayat daripada Data Korpus	114
3.14	Contoh Ranah dan Elemen Ranah	116
3.15	Contoh Kumpulan dan Pola Valensi Ayat	118
3.16	Contoh Ranah, Elemen Ranah dan Ayat	120
4.1	Hubungan antara elemen ranah TEMPAT TARIAN (LOKASI BERLANGSUNG)	142
4.2	Hubungan antara elemen ranah NAMA TARIAN (GAMBARAN MAJLIS)	146
4.3	Pemetaan elemen ranah LOKASI BERLANGSUNG (AGEN + AKSI + RUANG)	148
4.4	Pemetaan elemen ranah GAMBARAN MAJLIS (UPACARA + AKSI)	151
4.5	Pemetaan Konseptual <i>lansaran</i>	154
4.6	Hubungan antara elemen ranah MAS KAHWIN (AMALAN (KEWAJIPAN + PROSES))	177
4.7	Hubungan antara elemen ranah MAS KAHWIN (AMALAN (AGEN + KUASA))	181
4.8	Hubungan antara elemen ranah MAS KAHWIN (ASET (ENTITI + MILIK))	185
4.9	Pemetaan elemen ranah AMALAN (KEWAJIPAN + PROSES)	187





4.10	Pemetaan elemen ranah AMALAN (AGEN + KUASA)	190
4.11	Pemetaan elemen ranah ASET (ENTITI + MILIK)	193
4.12	Pemetaan Konseptual <i>mariga</i>	196
5.1	Hubungan antara elemen ranah PERSEMADIAN (BEKAS PENYIMPANAN (ENTITI + AKSI + LOKASI))	217
5.2	Hubungan antara elemen ranah PERSEMADIAN (KHAS (AGEN + OBJEK + MILIK))	221
5.3	Hubungan antara elemen ranah PERSEMADIAN (KEPERCAYAAN (MUSABAB + PERKARA GHAIB))	225
5.4	Pemetaan elemen ranah BEKAS PENYIMPANAN (ENTITI + AKSI + LOKASI)	228
5.5	Pemetaan elemen ranah KHAS (AGEN + OBJEK + MILIK)	231
5.6	Pemetaan elemen ranah KEPERCAYAAN (MUSABAB + PERKARA GHAIB)	234
5.7	Hubungan antara elemen ranah TENGKORAK (BENDA (SUMBER + OBJEK))	259
5.8	Hubungan antara elemen ranah TENGKORAK (BENDA (SUBJEK + SASARAN))	263
5.9	Hubungan antara elemen ranah TENGKORAK (KEPERCAYAAN (OBJEK + PERKARA GHAIB))	268
5.10	Hubungan antara elemen ranah TENGKORAK (KEPERCAYAAN (SUBJEK + PERKARA GHAIB + OBJEK))	271





5.11	Pemetaan elemen ranah BENDA (SUMBER + OBJEK)	274
5.12	Pemetaan elemen ranah BENDA (SUBJEK + SASARAN)	277
5.13	Pemetaan elemen ranah KEPERCAYAAN (OBJEK + PERKARA GHAIB)	280
5.14	Pemetaan elemen ranah KEPERCAYAAN (SUBJEK ++ PERKARA GHAIB + OBJEK)	283
6.1	Ranah dan elemen ranah leksis <i>lansaran</i>	290
6.2	Ranah dan elemen ranah leksis <i>mariga</i>	292
6.3	Ranah dan elemen ranah leksis <i>bagaton</i>	294
6.4	Ranah dan elemen ranah leksis <i>singkowoton</i>	296
6.5	Peta Konsep Ranah TEMPAT TARIAN leksis <i>lanssaran</i>	298
6.6	Peta Konsep Ranah NAMA TARIAN leksis <i>lanssaran</i>	303
6.7	Peta Konsep Ranah MAS KAHWIN leksis <i>mariga</i>	306
6.8	Peta Konsep Ranah PERSEMADIAN leksis <i>bagaton</i>	311
6.9	Peta Konsep Ranah TENGKORAK leksis <i>singkowoton</i>	318
6.10	Hubungan antara konsep <i>lansaran</i> , <i>mariga</i> , <i>bagaton</i> dan <i>singkowoton</i>	323
6.11	Pemetaan Keseluruhan Data Kajian leksis <i>lansaran</i> , <i>mariga</i> , <i>bagaton</i> dan <i>singkowoton</i>	325





05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

XX

## SENARAI SINGKATAN

A	Ayat
BGN	Bagaton
DBM	Debur Menerpa
DDC	Dari Dalam Cermin
DKA	Dukanya Abadi
F	Frasa
KUI	Kukui



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Mariga

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

xxi

## SENARAI LAMPIRAN

	<b>Muka Surat</b>
A      Data <i>Bagaton</i>	350
B      Data <i>lansaran</i>	357
C      Data <i>Singkowoton</i>	364
D      Data <i>Mariga</i>	367



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

## BAB 1

### PENDAHULUAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi

#### 1.1 Pengenalan

Ketamadunan suatu bangsa terbina hasil proses minda manusia dalam membuat tanggapan ke atas alamnya, usaha mentakrif dirinya, dan membentuk pandangan hidup sehingga mengangkat tahap keintelektualan pemikiran penciptanya. Pemikiran atau pandangan dunia sesuatu kelompok bangsa itu ditentukan oleh bahasanya (Sapir, 1921). Penutur bahasa membina pemahaman dalam minda berdasarkan kejadian atau peristiwa yang dilihat di sekeliling, yang kemudian akan diungkap dalam bentuk butir-butir bahasa (Slobin, 1996). Hal ini ditambah lagi sifat pandangan ke atas alam sekeliling itu harus diselimuti oleh nilai-nilai budaya, pegangan hidup, kesamaan dan kebolehterimaan pendukungnya. Akhirnya, ini akan membentuk gabungan ketiga-tiga elemen, iaitu masyarakat, bahasa dan budaya.



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my

Perpustakaan Tuanku Bainun  
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah

PustakaTBainun



ptbupsi



Zainal Kling (1993) menjelaskan bahawa pemikiran ialah operasi membentuk sistem tanggapan untuk membentuk rangka berfikir anggota masyarakat. Mekanisme yang terlibat ini berbentuk satu sistem yang begitu kompleks yang mengandungi pola-pola dan peraturan tertentu. Ini bererti pandangan terhadap alam mengandungi elemen ketinggian akal kerana telah berlaku analisis, tafsiran, penilaian dan rumusan sebelum mengambil keputusan untuk mengangkat sesuatu perkara, benda dan konsep sebagai pegangan dalam kehidupan. Proses ini begitu rencam kerana melibatkan benda yang abstrak yang bermain dalam minda penutur. Hal ini membawa makna bahawa bangsa yang bertamadun itu memiliki jati diri tersendiri dan *weltanschauung* sejagat yang dikongsi bersama-sama anggota masyarakatnya. Konsep-konsep dalam akal budi dan ketamadunan bangsa banyak diterjemahkan menerusi penggunaan bahasa sama ada berbentuk lisan atau pun dokumentasi. Bahasa diakui sebagai wadah komunikasi yang



terbaik dalam mencitrakan budaya dan pemikiran suatu masyarakat hasil interpretasi terhadap alam sekeliling yang dikenali sebagai *worldview* (Mohd Taib, 1988). Di samping itu, Abdullah (2009) melihat unsur mencirikan identiti sesebuah masyarakat itu, antaranya leluhur yang sama, penuturan bahasa yang sama, tempat tinggal (kedudukan geografi) yang sama, anutan agama yang sama dan budaya yang sama. Hal ini jelas membuktikan peranan bahasa yang bukan sekadar berfungsi sebagai alat komunikasi antara anggota masyarakat, malah menjadi ciri yang mengidentifikasi bangsa.

Sapir (1921) dan Whorf (1956) menjelaskan penggunaan bahasa yang berbeza-beza memberi pengalaman realiti yang berlainan kepada penutur disebabkan perbendaharaan kata serta hukum nahu menentukan bagaimana pengguna bahasa itu harus memahami dunianya. Ini bermakna bahawa setiap masyarakat melihat dunia





dari sudut pandangan masing-masing. Pandangan yang terbina secara kolektif, akhirnya membentuk pemikiran kesejagatan yang kebiasaannya mewakili identiti suatu kelompok masyarakat. Oleh yang demikian, sesuatu kelompok masyarakat atau penutur yang sama memiliki persamaan dalam mentafsir dunia mereka. Kebersamaan ini menguatkan lagi tanggapan bahawa cara pemikiran yang dipunyai oleh penutur itu bersifat sejagat. Ketinggian pemikiran menyerlahkan ketinggian akal budi ini dikongsi bersama-sama dalam melayari kehidupan. Rumusannya, fenomena ini menunjukkan bahawa wujud satu sistem atau pola berbahasa yang dapat menginterpretasikan sifat kesejagatan satu bangsa.

Sementara itu, Wan Abd. Kadir (2005) menyatakan tentang hubungan budaya dan bahasa ini ibarat “aur dan tebing”, tidak dapat dipisahkan malah saling lengkap-melengkapi. Terdapat hubungan yang amat erat antara pemikiran, bahasa dan budaya yang mempengaruhi pola pemikiran masyarakat. Hubungan ini juga dijelaskan oleh Slobin, (1996), dan Zaitul Azma & Ahamd Fuad (2011) sebagai suatu pola-pola pemikiran manusia itu yang dipengaruhi oleh bahasa pertama dan budaya setempat. Ini bermaksud, cara penutur berfikir dapat digambarkan melalui perkataan yang digunakan dalam kehidupan harian. Gambaran dalam bentuk bahasa ini pula berbeza-beza mengikut tahap keupayaan kebahasaan penutur sesuatu anggota masyarakat (Raja Moktaruddin, 1971). Dalam pada itu, Asmah (1994) melihat perkaitan bahasa dengan pandangan dunia masyarakat pendukungnya melalui kenyataannya seperti:

“Kemampuan manusia melakukan persepsi terhadap alam nyata dan di samping itu menimbulkan apa yang dipersepsikan dalam konsep-konsep yang diwujudkan oleh bahasa merupakan pandangan atau penglihatannya terhadap dunianya (worldview, weltanschauung). Dengan demikian unsur-unsur bahasanya yang merupakan teropong penglihatan dunianya





itu tidak hanya terbatas kepada perbendaharaan kata tetapi meliputi juga unsur-unsur nahu”.

Berdasarkan kenyataan di atas, unsur-unsur bahasa seperti leksis, sintaksikal serta aspek pemaknaan memainkan peranan yang penting dalam mencerminkan budaya, pemikiran, falsafah, dan nilai-nilai sesuatu masyarakat. Hal ini membuktikan bahawa adanya perkaitan yang erat antara pemikiran dengan bahasa sesuatu bangsa itu. Hal ini disokong oleh kenyataan Stubbs (1996), yang menyatakan bahawa sistem bahasa dalam bentuk tatabahasa, boleh menjadi sumber untuk mengkaji nilai sosial, pemikiran dan pandangan tentang dunia. Izutsu (1969) pula menjelaskan himpunan leksis yang dimiliki oleh penutur sebenarnya terbentuk dalam satu lingkungan yang berfokus pada satu pemikiran yang saling berkait antara satu dengan yang lain. Jumlah leksis ini pula bertambah selari dengan peredaran zaman, dan setiap pertambahan itu mewakili budaya dan pemikiran penutur dalam eranya.



Dalam hal ini, kajian yang menyentuh hubungan pemikiran dengan bahasa terutama dalam mendalami makna yang mendukungnya mula menarik minat ahli-ahli bahasa, khususnya bidang-bidang kognitif yang banyak melibatkan hubung kait antara bahasa dan kognitif penuturnya. Norsimah (2003) menjelaskan bahawa kajian bahasa yang berpandukan teori kognitif bukan sahaja melibatkan bahasa tetapi juga bidang-bidang lain seperti kognisi, sosial, budaya dan lain-lain. Dari sudut kognitif, dalam sistem kognisi manusia adalah bersifat sejagat walaupun pengalaman yang dilalui oleh penutur sesebuah masyarakat itu berbeza-beza. Hal ini disebabkan pengalaman tersebut diklasifikasikan dalam bentuk imej-imej tertentu yang seragam antara satu dengan yang lain (Khazryanti, 2009). Ini membuktikan bahawa unsur budaya dalam bahasa dapat diperincikan melalui aturan bahasanya kerana konsep pemikiran itu yang





terbit daripada sistem kognitif manusia lahir secara abstrak dan mengandungi sistem atau pola-pola adunan intelektual penuturnya.

## 1.2 Latar belakang Kajian

Kajian tentang hubungan pemikiran dengan bahasa terutamanya leksis pernah dilakukan oleh beberapa pengkaji. Hajar (2005) membuktikan bahawa satu daripada aspek bahasa, iaitu leksis mampu mencerminkan identiti budaya. Konotasi budaya pada sesuatu leksis yang kebiasaannya mewakili makna tipikal suatu kelompok masyarakat berupaya mempengaruhi reputasi leksis tersebut. Dalam hal ini, penjelasan melalui bidang linguistik berupaya merungkaikan potensi sesuatu leksis



tersebut khususnya sebagai sumber penerokaan bidang sosiologi atau budaya. Hubungan antara makna dan struktur kognisi berdasarkan konteks yang terkandung dalam sesebuah masyarakat mampu diinterpretasikan melalui penyelidikan yang berpandukan data-data autentik. Fenomena ekspresi bahasa dalam sesuatu kajian lapangan yang dikaji secara empirikal sifatnya dapat mencerminkan sesuatu budaya menerusi analisis leksis (Stubbs, 1996). Saidatul Nornis (2006) juga turut menjelaskan bahawa bahasa dapat merefleksikan rumus dan maklumat tentang pengalaman dan budaya penuturnya melalui kosa kata yang terkandung dalam bahasa tersebut.

Ketepatan seseorang mentakrif makna sesuatu kata dalam sesuatu kebudayaan masyarakat bukan sahaja melancarkan sesuatu hubungan yang berlaku, bahkan menunjukkan seseorang itu memahami konteks kebudayaan masyarakat tersebut. Setiap kata boleh membawa pengertian yang berbeza dalam konteks yang

